

# BPMP SANA-SINI

Edisi Mac | 2021

Oleh : Cawangan Kajian & Pengurusan  
Informasi BPMP



## Kursus Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Siri 1 Tahun 2021

Kursus yang telah dilaksanakan pada 22 hingga 25 Februari ini melibatkan 20 orang peserta dari empat Jabatan iaitu *Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA)*, Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) dan Pengurusan Air Aset Berhad (PAAB). Ceramah telah disampaikan oleh KPKPj Salwa Muharam dan dibantu oleh fasilitator PsK Sorfina 'Izzati Mohd Said, PsK Mohamad Anis Redza dan KPKPs Mohd Helmi Faiz (Bahagian Komunikasi Strategik).

## Mesyuarat Kajian Kes Liabiliti Korporat & Cadangan Pelaksanaan Pemeriksaan Tatacara Mencukupi

Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan (BPMP) telah mengambil inisiatif melaksanakan satu mesyuarat khusus bagi membincangkan Liabiliti Korporat pada 22 Mac 2021 yang lalu sebagai persediaan Bahagian ini dalam memikul tugas pemeriksaan di bawah Seksyen 17A ASPRM 2009. Pengisian utama Mesyuarat ini merangkumi pembentangan oleh pegawai-pegawai BPMP berhubung kes Liabiliti Korporat dengan mengambil contoh kes-kes dari luar negara yang boleh dijadikan rujukan berhubung kesalahan Seksyen 17A.

## Kursus Garis Panduan Tatacara Mencukupi selaras dengan Seksyen 17A ASPRM

BPMP telah menganjurkan Kursus Garis Panduan Tatacara Mencukupi selaras dengan Seksyen 17A ASPRM secara *webinar* pada 23 Mac 2021. Pegawai-pegawai Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah dijemput untuk menyampaikan ceramah berkaitan perundangan dan penguatkuasaan SSM. Seramai 37 orang pegawai BPMP menyertai Kursus ini.

## Sesi Khidmat Nasihat berhubung Tatacara Pengurusan Dana oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad

BPMP telah mengadakan Sesi Khidmat Nasihat berhubung tatacara pengurusan dana oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) di bawah Kementerian Sumber Manusia pada 30 Mac 2021. Pengerusi PSMB Datuk Seri Jamil Salleh dan ahli-ahli lembaga pengarah PSMB hadir dalam Sesi ini bersama Ketua Eksekutif PSMB Datuk Shahul Hamid Dawood. Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM Dato' Sri Shamshun Baharin Mohd Jamil, Pengarah BPMP KPKPj Nazli Rasyid Hj. Sulong dan pegawai-pegawai BPMP telah terlibat dalam Sesi Khidmat Nasihat ini.

Pihak PSMB menyambut baik cadangan penambahbaikan yang disyorkan oleh BPMP terutamanya dalam isu menangani konflik percanggahan kepentingan oleh ahli lembaga pengarah serta memperkasakan tadbir urus terbaik sebagai mekanisme *check and balance* dalam pengurusan dana PSMB.



## Sesi pertemuan AJK KSR BPMP Sesi 2019/2020 & Sesi 2021/2022

Sesi pertemuan di antara Ahli Jawatankuasa Kelab Sukan dan Rekreasi BPMP (AJK KSR BPMP) Sesi 2019/2020 dan AJK KSR BPMP Sesi 2021/2022 telah diadakan pada 12 Mac 2021 bagi membincangkan perkara berkaitan aktiviti tahunan KSR BPMP dan peralihan Jawatankuasa baru. Sesi ini dipengerusikan oleh P/KPKPj Zuridah Mamat selaku Pengerusi KSR BPMP Sesi 2021 dan dihadiri barisan AJK KSR BPMP Sesi 2019/2020 dan Sesi 2021/2022.

